

Guna wang orang asing beli ASN

Ada Melayu jual nama

BW 30 DEC 1998

Oleh NASRI ABDULLAH

ALOR STAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan ada orang Melayu yang sanggup menjual nama mereka kepada orang lain bagi menambah pelaburan dalam Amanah Saham Nasional (ASN) semata-mata untuk mendapat bonus lumayan.

Menurutnya, ada orang yang membawa beratus ribu ringgit bersama beberapa buku ASN pelabur yang tidak datang sendiri bagi menambah pelaburan sehingga \$50,000 seorang.

"Walaupun kerajaan tidak mempunyai bukti kukuh, ini jelas kerana sejak tiga bulan terakhir ini, wang pelaburan ASN meningkat hampir \$1,000 juta berbanding jumlah pelaburan sebelum ini antara \$200 dan \$300 juta saja.

"Kita syak bahawa ada orang lain yang menjadi dalang di belakang mereka, kerana ASN disediakan untuk membantu orang Melayu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPFMM) di sini, semalam.

Menjawab soalan, kemungkinan mereka yang membuat pelaburan adalah golongan yang bersikap suka melabur di saat terakhir, Perdana Menteri mengakui kemungkinan golongan itu wujud, tetapi tidak mungkin dengan jumlah yang terlalu besar.

"Jika mereka yang melabur itu adalah daripada kalangan yang menjual tanah, kenapa sebelum ini mereka enggan menambah pelaburan, sedangkan kita meminta mereka berbuat demikian sejak awal lagi," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Perdana Menteri melahirkan rasa hairan dari mana datangnya wang sebanyak itu.

"Bukan bawah bantal, kalau bawah bantal pun...bawah bantal orang lain," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau diberitahu bahawa ada yang membawa wang tunai sebanyak \$300,000 bersama buku pelaburan orang lain untuk menambah pelaburan.

Beliau berkata, kerajaan tidak mampu mengawal kegiatan itu selagi orang Melayu sendiri tidak berusaha mengubah sikap.

Perdana Menteri kesal kerana segala rancangan kerajaan untuk membantu Bumiputera digagalkan oleh Bumiputera tertentu.

Beliau berkata, ASN akan disenarai dalam pasaran saham selepas kerajaan menetapkan nilai saham itu dan mengagihkan keuntungannya.

Beliau bimbang selepas 1 Januari depan kebanyakan saham ASN akan dijual, terutama apabila harganya meningkat kerana pelabur boleh mendapat untung selain bonus.

"Kalau kita menjual saham itu, maka kuranglah penyerjaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) juga tidak akan tercapai," katanya.